

18 DEC 2001

Mahfuz-Pilihan raya

MAHFUZ YAKIN BN ADAKAN PILIHAN RAYA UMUM LEBIH AWAL

ALOR SETAR, 18 Dis (Bernama) -- Ketua Pemuda PAS Mahfuz Omar hari ini melahirkan keyakinan yang kerajaan Barisan Nasional (BN) akan mengadakan pilihan raya umum lebih awal.

"Saya yakin BN tidak akan mengambil tempoh yang lebih lama untuk berbuat demikian. Pilihan raya umum itu dijangka akan diadakan pada hujung tahun depan atau selewat-lewatnya awal tahun 2003," katanya kepada pemberita pada majlis hari terbuka di kediamannya sempena Aidilfitri di sini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Ahad lepas bahawa BN tidak akan mengadakan pilihan raya umum lebih awal semata-mata kerana berada dalam kedudukan selesa untuk menang.

Dr Mahathir dipetik sebagai berkata BN tidak pernah berbuat demikian kerana menyifatkan pilihan raya adalah sesuatu yang serius dan bukan suatu mainan.

Mahfuz berkata keyakinannya itu bersandarkan kepada usaha pembinaan imej yang sedang dilakukan BN dan memandangkan ia sudah berjaya dengan strategi itu, tentunya BN tidak mahu pembinaan imej itu tersekat di tengah jalan akibat sesuatu perkara yang tidak diingini.

"BN tentunya tidak mahu ada gelombang melanda di pertengahan jalan. Cara untuk mengatasinya ialah dengan mengadakan pilihan raya umum lebih awal," kata Mahfuz.

Katanya pembangkang terutamanya PAS sentiasa bersedia untuk itu dan telah menggerakkan semua jentera sejak berakhirnya pilihan raya umum lepas.

Mengulas kenyataan penasihat seumur hidup DAP, Dr Chen Man Hin baru-baru ini bahawa parti itu kini merancang membentuk pakatan pembangkang baru tanpa PAS, Mahfuz membantahnya.

"Saya tidak setuju dan tidak mungkin pakatan baru itu diwujudkan. Kalau ia diwujudkan, tentunya memberi imej yang pembangkang tidak bersatu," katanya.

-- BERNAMA

MAN RON